

7

HUKUM MEROKOK MENURUT ISLAM DAN KESANNYA TERHADAP KESIHATAN

Azizah Abdullah

PENDAHULUAN

Isu rokok dan merokok sebenarnya merupakan masalah global yang dihadapi oleh masyarakat dunia sejak beberapa tahun yang lalu sehinggalah hari ini. Masalah tabiat merokok ini merupakan satu perkara yang amat sukar untuk diatasi. Walaupun pelbagai peraturan dan undang-undang telah diperkenalkan bagi menghindarkan, tabiat ini terus diamalkan. Ramai menyedari tentang bahayanya merokok. Hal ini jelas terpapar amaran atau larangan merokok dalam kalangan perokok, namun bilangan perokok terus meningkat yang melibatkan berbagai-bagai lapisan masyarakat terutamanya golongan remaja termasuklah remaja.

Statistik terbaharu tentang ketagihan merokok di negara ini begitu menggerunkan apabila jumlah perokok semakin meningkat dari sehari ke sehari. Peningkatan mendadak jumlah perokok berlaku disebabkan fenomena lambakan rokok seludup pelbagai jenama yang dijual pada harga sangat rendah di pasaran. Purata perokok di Malaysia membelanjakan sebanyak RM178.80 sebulan untuk membeli rokok (<http://www.kosmo.com.my>).

HUKUM MEROKOK DARIPADA PERSPEKTIF ISLAM

Menurut sejarah pemerintahan kerajaan Islam silam, Sultan Murad ke-4 (1623-1640M) sangat kuat memusuhi rokok, sehinggakan beliau pernah melaksanakan undang-undang bunuh bagi penjual-penjual rokok dan

perokok aktif di dalam negara (www.zaharuddin.net). Sehingga tahun 1940-an, manusia menganggap rokok adalah tidak berbahaya. Pada tahun 1962, pemerintah Amerika Syarikat menunjukkan 10 ilmuwan terkemuka untuk meneliti bahaya rokok. Pada tahun 1964, kenyataan tegas tentang bahayanya merokok terhadap kesihatan telah dimuat dalam Laporan Surgeon General dan pemerintah perlu melaksanakan tindakan susulan. Pada tahun 1965, pengurangan amalan merokok sebanyak 40% diterbitkan oleh laporan tersebut (MS Encarta) (Smoking Encyclopedia Article).

Pada tahun 1962, Fakulti Perubatan Diraja Britain mengesahkan kesan buruk rokok terhadap kesihatan. Pada tahun 1964, Fakulti Kedokteran Amerika mengeluarkan satu kajian setebal 387 halaman dan diterbitkan kandungannya di akhbar yang menyebut 'merokok memudaratkan kesihatan' secara pasti, ia juga menyebut 'rokok menjadi penyebab pelbagai penyakit membunuh.' (Mahmud Nazim, At-Tibbun An-Nabawi Wal 'Ilmi al-Jadid, 1/346).

HUKUM MEROKOK TERBAHAGI KEPADA DUA:

a) Haram

Ulama kontemporari yang mengatakan demikian ialah Dar Al-Ifta Mesir, Lajnah Fatwa Saudi, Lajnah Fatwa Azhar, Seluruh ahli persidangan mencegah rokok (Persidangan di Madinah pada 2-5 Mac 1982), Dr Yusof Al-Qaradawi, Syeikh Mahmud Syaltut, Syeikh Sayyed Sabiq, Syeikh Ahmad Syurbasi, Mufti Mesir Syeikh Ali Jumaat, Syeikh Atiyyar Saqar (Akhbar al-Jumhuriyyah, 22 Mac 1979; Fatawa Muasiroh, 1/667; Al-Fatawa li Muhd Syaltut, Yasalunaka oleh Syurbasi dan Fiqh As-Sunnah).

Antara ulama silam yang mengatakan haram adalah Syeikh Muhd. Alauddin Haskafi al-Hanafi, Syeikh Sulaiman al-Bujairimi As-Syafie, Syeikh Mustafa ar-Rihbani, Syeikh Ibrahim al-Laqqani al-Maliki dan ramai lagi (Al-hukm as-Syar'ir fi at-Tadhin, Kumpulan Ulama, Kementerian Kesihatan Sedunia, 1988, hlm 25-26).